



DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)

KEPERLUAN UMUM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal mestilah memastikan setakat yang praktik keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjaanya. Perkara yang meliputi kewajipan itu termasuk menyediakan dan menyelenggarakan setakat yang praktik persekitaran tempat kerja bagi memastikan pekerja, selain pekerja dan orang awam adalah dalam keadaan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan dan keselamatan.

Seperti mana terma dalam kontrak ini, setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu memastikan setiap kontraktor atau subkontraktornya yang mungkin akan diguna khidmat untuk melaksanakan perkhidmatan bagi pihaknya pada tiap masa perlu mengenal pasti dan melaksanakan semua keperluan dan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kesihatan semua orang termasuk pekerja yang diguna khidmat dan orang selain dari pekerja yang diguna khidmat iaitu orang awam yang mungkin terkesan dengan khidmatnya.

Pihak kontraktor perlu dengan sedar maklum berkaitan keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, polisi, prosedur atau langkah perkiraan yang akan dilaksanakan atau yang akan digunakan oleh pihak vendor/ kontraktor/ pembekal atau pemilik projek iaitu Lembaga Zakat Selangor terhadap semua premis di mana pihak vendor/ kontraktor/ pembekal melaksanakan tugas berdasarkan kontrak yang dinyatakan.

Vendor/ kontraktor/ pembekal perlu patuh kepada semua polisi, prosedur atau perkiraan dan dalam apa-apa situasi dan keadaan berlaku percanggahan, perlu dan wajib patuh terhadap prosedur, akta, peraturan dan perkiraan di mana perlaksanaan terhadap tahap keselamatan dan kesihatan yang dinyatakan.

PEMATUHAN PERUNDANGAN

Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu mematuhi semua kehendak perundangan dengan memastikan pekerjaanya, atau subkontraknya dengan mematuhi setiap akta, peraturan, undang-undang negeri dan pihak berkuasa tempatan, kod amalan industri, Piawaian Malaysia, Polisi KKP LZS dan Prosedur KKP LZS di mana di dalam apa keadaan kontrak ini terpakai.

PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN.

Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal haruslah, **apabila diminta** oleh pihak keselamatan dan kesihatan pekerjaan menghantar salinan dokumen lengkap sistem pengurusan KKP di mana perlu merangkumi keperluan :

- Polisi KKP
- Organisasi KKP di tempat kerja (sekiranya mempunyai pekerja melebihi 40 orang)
- Prosedur kerja selamat
- Rekod latihan KKP dan induksi
- Pelaporan Kemalangan di Tempat Kerja

SENARAI SEMAK TENDER PENGURUSAN KKP

Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu melengkapkan senarai semak sistem pengurusan KKP dan menyertakan sekali senarai semak (**Lampiran 1**) yang telah dilengkapkan bersama dokumen sebut harga yang hendak dihantar. Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu mengesahkan maklum balas senarai semak tersebut dengan menyertakan bukti dalam perkara yang dinyatakan. Dengan menghantar dokumen sebut harga dan senarai semak kesemua vendor/ kontraktor/ pembekal maklum dan mengesahkan secara tepat kesemua perincian yang dinyatakan di dalam senarai semak dan apa-apa jenis dokumen yang telah disahkan adalah betul.

PENILAIAN RISIKO

Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu menyediakan dan menghantar penilaian risiko sebelum pelaksanaan kerja di bawah kontrak ini sekiranya diarahkan oleh pihak LZS. Borang Penilaian risiko **(Lampiran 2)** perlu digunakan bagi tujuan merekodkan penilaian risiko dan langkah kawalan risiko yang akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor/ pembekal dan vendor. Borang Penilaian Risiko perlu dihantar kepada pihak Keselamatan dan kesihatan pekerjaan LZS untuk penilaian dan kelulusan sebelum pelaksanaan kerja yang dinyatakan di dalam kontrak dan merujuk kepada penilaian risiko yang dilaksanakan satu prosedur kerja selamat perlu juga turut dilampirkan bersama dokumen kontrak ini berdasarkan **(Lampiran 3)**.

PELAPORAN PRESTASI KKP

Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu, **apabila diarahkan oleh pihak keselamatan dan kesihatan pekerjaan LZS**, menyediakan bukti berkaitan prestasi kontraktor dalam sistem pengurusan KKP. tanpa menjejaskan keperluan terhadap peraturan ini, vendor/ kontraktor/ pembekal perlu menyediakan informasi dalam kekerapan sebulan sekali di dalam borang yang disediakan berkaitan :

- Jumlah hilang masa kecederaan
- Jumlah hilang masa kecederaan disebabkan kecederaan
- Status terkini berkaitan individu yang cedera, kerosakan harta benda dan pencemaran alam sekitar
- Status pelaksanaan penambah baik dan pembetulan hasil dari pemeriksaan dari pihak Keselamatan dan kesihatan pekerjaan LZS dan penilaian risiko
- Jumlah pemeriksaan pengurusan KKP.

Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu menghantar laporan prestasi KKP perlu kepada pihak Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan LZS sekiranya dikehendaki.

PEMBERITAHUAN KEMALANGAN

Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu memaklumkan dengan kadar segera dalam tempoh **24 jam** tentang apa-apa kemalangan, kecederaan, kerosakan harta benda dan alam sekitar yang berlaku dalam tempoh kontrak. Kesemua jumlah tempoh masa hilang disebabkan kemalangan perlu dengan kadar segera memaklumkan kepada pihak Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan LZS. Setiap vendor/ kontraktor/ pembekal perlu menyediakan laporan berkaitan apa-apa kemalangan di tempat kerja dalam tempoh **3 hari**, dengan memberikan maklumat lengkap tentang kemalangan, termasuk keputusan siasatan, sebab berlakunya kemalangan dan apa-apa langkah kawalan dan strategi bagi pencegahan pada masa hadapan, keperluan ini adalah tambahan kepada apa-apa keperluan pemberitahuan kemalangan yang diperuntukkan oleh perundangan.

KETIDAKPATUHAN KKP

Tanggungjawab KKP berkaitan apa-apa kerja di bawah lantikan kontrak milik LZS adalah di bawah LZS, dan di bawah Sek-19 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, sekiranya berlaku kegagalan kepada tanggungjawab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, majikan iaitu LZS boleh disabitkan dan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Oleh kerana itu, sekiranya, ketika kerja yang disenaraikan dalam kontrak dalam perlaksanaan, pihak Keselamatan dan Kesihatan LZS maklum bahawa vendor/ kontraktor/ pembekal di mana dalam kefahamannya bahawa pihak vendor/ kontraktor/ pembekal telah :

- Tidak melaksanakan kerja dalam pematuhan terhadap apa-apa pelan KKP, prosedur keselamatan dan kesihatan pekerjaan, peruntukan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang disediakan oleh pihak Keselamatan dan Kesihatan LZS dan pihak kerajaan dari masa ke semasa atau
- Melaksanakan kerja yang di mana kerja tersebut membahayakan keselamatan dan kesihatan pekerja atau pekerja LZS atau kontraktornya atau pekerja subkontraktornya, atau premis, atau pelan atau peralatan atau harta benda, pihak vendor/ kontraktor/

pembekal perlu dengan segera melaksanakan pembaikan terhadap pelanggaran tersebut dengan kadar segera.

Pihak keselamatan dan Kesihatan LZS boleh mengarahkan pihak vendor/ kontraktor/ pembekal untuk menangguhkan kerja, atau memberhentikan kerja buat sementara waktu sehingga tempoh di mana , atau pihak kontraktor telah melaksanakan keperluan di mana pihak Keselamatan dan Kesihatan LZS merasa berpuas hati dengan penambahbaikan tersebut dan arahan untuk penyambungan kerja akan diberikan oleh pihak Keselamatan dan Kesihatan LZS dengan sebab penilaian berpuas hati tersebut.

Dalam tempoh penangguhan kerja seperti mana yang dinyatakan di atas, pihak LZS boleh untuk tidak melaksanakan apa-apa bayaran kepada kontraktor.

Sekiranya pihak kontraktor gagal untuk melaksanakan pembaikan terhadap pelanggaran berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang menyebabkan kerja tersebut ditangguhkan, atau prestasi pembekal, vendor dan pembekal terlibat dalam pelanggaran apa-apa keperluan keselamatan dan kesihatan, pihak LZS boleh memilih untuk, **menamatkan kerja atau kontrak vendor/ kontraktor/ pembekal, atau mengenakan penalti sehingga 1% dari nilai kontrak atau kedua-duanya sekali**. Dalam perkara ini, pihak LZS tidak sama sekali akan mengganggu tambahan kos yang terpaksa dihadapi oleh kontraktor atas sebab-sebab penangguhan kerja atau sebab yang dinyatakan di atas.

KONTRAK MELIBATKAN SUBKONTRAKTOR

Melainkan di mana subkontraktor adalah salah satu pihak yang telah dinyatakan, pihak vendor, kontraktor dan pembekal mestilah mematuhi dan akur berkaitan apa-apa terma yang syarat yang dirasakannya sesuai berkaitan KKP yang di arahkan dan dibangunkan kepada sub-kontraktor oleh pihak LZS.

Pihak LZS berhak untuk menasihat atau memberikan arahan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada subkontraktor secara terus atau tidak terus dalam pihak

subkontraktor melaksanakan tanggungjawabnya terhadap keselamatan dan kesihatan di bawah kontrak ini.

Pihak vendor, kontraktor dan pembekal adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap prestasi pihak subkontraktor walau apa pun pihak subkontraktor melaksanakan apa-apa bahagian perkhidmatannya.

Dalam keadaan apa-apa kelulusan yang telah diberikan oleh pihak LZS, pihak kontraktor perlu dengan penuh tanggungjawab memastikan kesesuaian subkontraktor bagi kerja-kerja yang perlu dilaksanakan dan kerja-kerja yang telah dinyatakan dalam keperluan kontrak ini bagi keperluan KKP.

Kontraktor perlulah memastikan subkontraktor adalah sentiasa maklum dan mengambil perhatian tentang kesemua keperluan tema dan syarat berkaitan KKP dalam kontrak ini sesuai dengan bahagian subkontraktor dalam peruntukan yang dinyatakan.

LAMPIRAN 1

Senarai Semak Sebut Harga Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Senarai semak ini perlu dilengkapkan oleh pihak pembekal dan perlu di lampirkan berserta dokumen sebut harga.

Keperluan Perundangan KKP

- 1- Adakah syarikat pernah dikenakan tindakan penguatkuasaan berkaitan ketidakpatuhan terhadap keperluan KKP untuk tempoh 5 tahun sebelum? (Tindakan penguatkuasaan termasuk notis daripada pemeriksa DOSH atau pendakwa)

☐

Ya

☐

Tidak.

Seciranya Ya, lampirkan dokumen berkaitan litigasi dan langkah yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang dinyatakan :

Dasar KKP

- 2- Adakah syarikat anda mempunyai dasar bertulis berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti mana tertakluk dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994?

☐

Ya

☐

Tidak

Jika ya, lampirkan salinan Dasar KKP Syarikat anda

- 3- Adakah syarikat anda mempunyai manual sistem KKP atau pelan berkaitan KKP?

☐

Ya

☐

Tidak

Jika ya, lampirkan salinan isi kandungan manual sistem KKP tersebut

Prosedur Kerja Selamat

- 4- Adakah syarikat anda mempunyai prosedur kerja selamat atau spesifik arahan KKP untuk operasi syarikat anda?

☐

Ya

☐

Tidak

Jika ya, lampirkan salinan senarai prosedur dan arahan kerja selamat tersebut

- 5- Adakah syarikat anda mempunyai dokumen berkaitan kemalangan, penilaian risiko bahaya dan pelaporan berkaitan kemalangan di tempat kerja?

☐

Ya

☐

Tidak

Jika Ya, lampirkan salinan prosedur dokumen tersebut

- 6- Adakah syarikat anda mempunyai dokumen berkaitan pengenalpastian, penilaian dan kawalan risiko (HIRARC)?

☐

Ya

☐

Tidak

Jika Ya, mohon lampirkan

- 7- Siapa di syarikat anda yang mempunyai kuasa bagi arahan pemberhentian kerja tidak selamat?

Nama :

Jawatan :

Latihan KKP

8- Jelaskan bagaimana latihan berkaitan KKP dilaksanakan di tempat kerja anda?

BORANG PENILAIAN RISIKO : LAMPIRAN 2

Lampiran penilaian risiko ini hendaklah dilengkapi oleh pihak pembekal dan perlu dihantar sekali bersama dokumen sebut harga.

Nama Pembekal :

Tarikh :

Tandatangan :

Pengenalpastian Hazard/ Bahaya			Penilaian Risiko			Langkah Kawalan		PIC
Aktiviti kerja	Hazad/ Bahaya	Keterangan Bahaya/ Hazad	Kebarangkalian	Keterukan	Tahap risiko	Cadangan Langkah Kawalan	Langkah Kawalan Sedia ada	

MATRIK PENILAIAN RISIKO

Kemungkinan (L)	Keterukkan (S)					
	1	2	3	4	5	
5	5	10	15	20	25	Tinggi
4	4	8	12	16	20	Sederhana
3	3	6	9	12	15	Rendah
2	2	4	6	8	10	
1	1	2	3	4	5	

Tahap **keterukan** sesuatu bahaya dengan menggunakan nilai berikut.

KETERUKAN (S)	CONTOH	KADAR
Malapetaka	Banyak kematian, kerosakan harta benda dan pengeluaran tidak dapat dipulihkan	5
Fatal	Menyebabkan kira-kira satu kes kematian tunggal dan kerosakan harta besar jika berlakunya bahaya	4
Serius	Kecederaan yang tidak membawa maut, hilang upaya kekal	3
Ringan	Menyebabkan hilang upaya tetapi bukan kecederaan kekal	2
Sedikit Sahaja	Sedikit lelasan, lebam, luka, kecederaan jenis rawatan kecemasan	1

➤ **Kemungkinan** berlakunya sesuatu kejadian dengan menggunakan nilai berikut:

KEMUNGKINAN (L)	CONTOH	KADAR
Kemungkinan Besar	Berkemungkinan besar berlaku hasil daripada bahaya / kejadian	5
Mungkin	Mungkin boleh berlaku dan bukannya luar biasa	4
Dapat Dijangka	Mungkin berlaku pada masa akan datang	3
Jarang Sekali	Belum diketahui berlaku selepas beberapa tahun	2
Tidak dapat dijangka	Boleh dikatakan mustahil dan tidak pernah berlaku	1

LAMPIRAN 3

PROSEDUR KERJA SELAMAT

Nama pembekal	
Alamat pejabat	
Projek	
Kawasan projek	

Keterangan kerja yang dilaksanakan	
Arahan KKP telah diberikan dan di taklimat kepada individu yang terlibat dengan kerja.	
Perundangan, Tata amalan industri dan piawaian yang terpakai	
Nama dan jawatan yang memantau prosedur dan arahan kerja selamat	

PROSEDUR KERJA SELAMA

Aktiviti kerja	Kemungkinan Bahaya	Langkah kawalan
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		

SENARAI SEMAK DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (DKKP). (Tandakan v pada ruangan berkenaan).

Bil	Perkara	Ada	Tidak
1	Telah baca dan faham KEPERLUAN UMUM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN		
2	Telah baca dan faham PEMATUHAN PERUNDANGAN		
3	Telah baca dan faham SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SPKKP)		
4	Telah baca dan faham keperluan PENILAIAN RISIKO		
5	Telah baca dan faham keperluan PELAN KKP		
6	Telah baca dan faham PELAPORAN PRESTASI KKP		
7	Telah baca dan faham PEMBERITAHUAN KEMALANGAN DALAM MASA 24 JAM DAN 3 HARI		
8	Telah baca dan faham KETIDAKPATUHAN KKP BOLEH DIDENDA SEHINGGA 1% DARI JUMLAH KONTRAK		
9	Telah baca dan faham KONTRAK MELIBATKAN SUBKONTRAKTOR		
10	Sediakan lampiran Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) seperti dibawah:-		
	(i) Polisi KKP		
	(ii) Organisasi KKP di tempat kerja (sekiranya mempunyai pekerja melebihi 40 orang)		
	(iii) Prosedur kerja selamat – Contoh Borang di		
	(iv) Rekod latihan KKP dan induksi		

Bil	Perkara	Ada	Tidak
	(v) Prosedur pemeriksaan KKP di tempat kerja		
	(vi) Dokumen Pengenalpastian, Penilaian dan Kawalan Risiko (HIRARC) – Contoh Borang di Lampiran 2.		
	(vii) Prosedur Pelaporan Kemalangan di tempat kerja		
11	Menjawab semua soalan di Lampiran 1		
12	Menjawab semua soalan di Lampiran 3		
13	Tandatangan di ruangan muka surat akhir		

Saya / Kami mengesahkan bahawa kami faham dan bersetuju ke atas semua maklumat, terma dan syarat yang telah dinyatakan.

Kontraktor

Tandatangan Kontraktor :
Nama Kontraktor :
No. Kad Pengenalan :
No. Telefon Bimbit :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Wakil LZS

Tandatangan Wakil LZS :
Nama wakil LZS :
No. Kad Pengenalan :
No. Telefon Bimbit :
Tarikh :

Cop Syarikat :